

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]

Dato' Hasbullah bin Osman (Gerik) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-

- (a) Setakat manakah keberkesanan usaha pihak kementerian mengawal kenaikan harga barang ; dan
- (b) Apakah ada cadangan pihak Kementerian hendak menyelaras atau menambah subsidi bagi barang-barang keperluan utama supaya dapat mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat.

JAWAPAN

Sistem ekonomi Malaysia adalah sistem ekonomi pasaran bebas yang mana kuasa pasaran (*market force*) memainkan peranan penting dalam penentuan harga. Penentuan harga barang dan perkhidmatan adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang berbeza di antara satu sama lain seperti permintaan dan penawaran (*demand and supply*), faktor cuaca, ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing, kos input dan sebagainya. Namun, Kerajaan masih mempunyai kuasa kawalan dalam aspek tertentu seperti pelaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan.

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) telah dilaksanakan bermula tahun 2000 dan masih dilaksanakan sehingga kini. Di bawah Skim ini, beberapa jenis barang keperluan dikenalpasti sebagai barang harga terkawal musim perayaan untuk ditentukan harga maksimum di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit bagi suatu tempoh tertentu. Antaranya termasuklah ayam hidup, ayam standard, ayam super, daging lembu, daging kambing, daging kerbau dan beberapa jenis barang dari kategori hasil laut, sayuran, ikan dan telur ayam.

Selain itu, kawalan harga secara undang-undang bagi Gula Pasir, Gas

Petroleum Cecair (LPG) dan Topeng Muka turut dilaksanakan. Manakala kawalan secara pentadbiran juga dibuat bagi tepung gandum pelbagai guna dan minyak masak kampit.

Pada masa yang sama, Kementerian mendapat kerjasama dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bagi memastikan bekalan makanan basah seperti ayam, ikan dan sayuran sentiasa mencukupi dan tidak terjejas, sekaligus memastikan harganya berada dalam kadar harga yang berpatutan.

Pemantauan dan pengawasan harga barang keperluan rakyat di premis-premis perniagaan di seluruh negara dijalankan setiap hari di pasaraya besar, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka, kedai runcit dan premis-premis lain. Aktiviti penguatkuasaan ini dilaksanakan bagi memastikan peniaga tidak menjual barang harga terkawal melebihi harga maksima yang telah ditetapkan bagi barang-barang yang dikawal harganya serta tidak cuba mengambil keuntungan secara keterlaluan ke atas barang-barang lain.

Kementerian sentiasa memastikan penguatkuasaan tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dilaksanakan secara berterusan untuk memastikan harga barang berada pada tahap terkawal dan berpatutan.

Sebagai langkah proaktif, pemantauan harga barang juga turut dilakukan secara konsisten oleh Pegawai Pemantau Harga yang telah dilantik oleh Kementerian ini bermula April 2008 untuk membuat pemantauan ke atas pasaraya besar, pasaraya, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam, kedai runcit dan premis makanan siap masak di seluruh negara. Hasil pemantauan ini akan digunakan sebagai laporan trend harga barang dan tindakan penguatkuasaan sekiranya berlaku kenaikan harga.

Bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab selepas rasionalisasi subsidi,

tindakan pengeluaran notis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dilaksanakan ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Peniaga yang gagal atau enggan memberi penjelasan terhadap kenaikan tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Bagi tahun 2019, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM785 juta bagi menampung perbelanjaan subsidi barang berikut:

- | | |
|--|------------------|
| i) minyak masak | : RM720 juta |
| ii) tepung gandum kegunaan am | : RM40 juta; dan |
| iii) program penyeragaman harga
Sabah dan Sarawak | : RM 20 juta |

Jumlah peruntukan ini dijangka berupaya untuk menampung perbelanjaan subsidi sehingga akhir tahun 2019 berdasarkan unjuran harga pasaran semasa.

Penyelarasan dan semakan semula akan dibuat sewajarnya pada pertengahan tahun 2019 sekiranya terdapat keperluan bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat.